

10 JAN 2003

SETIAUSAHA LUAR BRITAIN KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Setiausaha Negara Britain bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel Jack Straw mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini hari ini.

Straw, yang sedang dalam lawatan rasmi sehari Malaysia, tiba pagi ini untuk lawatan pertamanya ke Malaysia sejak menjadi Setiausaha Luar pada Jun 2001.

Yang turut hadir ialah Setiausaha Bahagian Eropah Kementerian Luar Datuk Lily Zachariah dan Pesuruhjaya Tinggi Britiain ke Malaysia Bruce Cleghorn.

Straw dijadualkan bertemu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kemudian.

Terdahulu, beliau mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa.

-- BERNAMA

RZS MHI AZZ JK ROS